

Peluang golongan berpendapatan rendah miliki rumah

Oleh NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

RUMAH adalah keperluan asas kita semua. Namun berapa ramai daripada kita yang mampu mencapai impian tersebut tatkala ketika harga rumah melambung naik secara mendadak terutamanya di kawasan bandar. Akibatnya majoriti rakyat kita yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana semakin dipaksakan untuk melupakan impian memiliki rumah sendiri kerana tidak mampu untuk membayar harga yang dikenakan. Itu belum lagi aspek kesukaran mendapatkan pinjaman perumahan.

Peningkatan kos sara hidup di negara kita bukan lagi satu rahsia dan ia bukan saja mengancam kuasa beli barang dan perkridmatan kegunaan harian pengguna tetapi turut membantutkan impian untuk membeli sebuah rumah.

Ini ditambah pula dengan tindakan kejam pihak pemaju perumahan dan spekulator harta tanah yang mengambil kesempatan dan menaikkan harga rumah sesuka hati.

Hakikatnya, pada hari ini golongan berpendapatan rendah dan sederhana serta belia terutamanya yang baharu berumah-tangga cukup sukar untuk membeli rumah. Kebanyakan mereka terpaksa menyewa rumah.

Menyedari situasi getir dan menghimpit majoriti rakyat ini kerajaan dalam pembentangan Bajet 2015 telah mencetuskan sinar harapan baharu kepada golongan ini untuk meneruskan impian memiliki sebuah rumah idaman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan beberapa inisiatif dan peruntukan khas untuk membantu golongan kurang berkemampuan memiliki rumah yang boleh dikatakan cukup melega-

 Kita yakin dan percaya andai segala inisiatif ini mencapai objektif yang disasarkan pihak kerajaan pastinya akan menambah lagi jumlah pembinaan rumah mampu milik terbabit secara berterusan dari semasa ke semasa.

kan kita.

Antaranya, kerajaan bersetuju membina 80,000 unit rumah PR1MA dengan peruntukan sebanyak RM1.3 bilion. Had kelayakan pendapatan isi rumah juga dinaikkan dari pada RM8,000 kepada RM10,000.

Kerajaan juga akan membina 26,000 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat yang akan diuruskan oleh Jabatan Perumahan Negara di samping membina 12,000 unit Rumah Mesra Rakyat dan 5,000 unit Rumah Idaman Rakyat melalui Syarikat Perumahan Negara (SPNB).

Skim pembiayaan sewa-beli juga bakal ditawarkan kepada individu yang masih tidak berupaya memperoleh pembiayaan bank untuk membeli rumah.

Skim Rumah Pertamaku kendalian Cagamas Bhd. juga dibuat penambahbaikan dengan menaikkan had harga rumah kepada RM500,000 selaras dengan pengecualian duti setem. Malah had kelayakan umur peminjam bagi skim ini juga dinaikkan dari 35 kepada 40 tahun.

Di samping itu golongan belia juga menerima berita gembira apabila kerajaan umumkan Skim Perumahan Belia secara perkongsian pintar di antara kerajaan, Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta Cagamas yang menawarkan 20,000 unit rumah bernilai kurang daripada RM500,000 atas prinsip ‘siapa dulu, dia dapat’ untuk kemudahan pasangan muda berkahwin yang berusia antara 25

hingga 40 tahun yang berpendapatan tidak lebih daripada RM10,000.

Lebih menarik lagi apabila kerajaan bersetuju memberi bantuan sebanyak RM200 sebulan untuk tempoh dua tahun pertama bagi golongan belia ini bagi mengurangkan beban ansuran bulanan pinjaman perumahan.

Pada masa sama, penjawat awam juga menerima berita gembira apabila had maksimum pinjaman perumahan penjawat awam dinaikkan daripada RM450,000 kepada RM600,000.

Tambahan pula bagi menggalakkan lebih ramai rakyat memiliki rumah pertama dan sebagai langkah mengurangkan kos membeli rumah, kerajaan juga memutuskan untuk melanjutkan pengecualian duti setem 50 peratus ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman selain menaikkan had harga rumah dari RM400,000 kepada RM500,000 sehingga hujung tahun depan.

Ringkasnya, kesemua inisiatif dan insentif yang diumumkan ini tidak lain dan tidak bukan adalah atas prinsip untuk memeliha dan menjaga kebajikan rakyat terutamanya golongan yang masih tidak mampu untuk memiliki rumah. Ini pastinya akan membantu rakyat memiliki rumah idaman mereka mengikut kemampuan masing-masing.

Apa yang penting sekarang adalah semua pihak terutamanya kumpulan sasaran

yang merangkumi golongan berpendapatan rendah dan sederhana serta golongan belia perlu bijak menyusun strategi untuk merebut segala peluang dan kesempatan yang disediakan oleh pihak kerajaan ini.

Gunakanlah platform ini untuk memiliki rumah idaman masing-masing mengikut jumlah pendapatan dan kemampuan sendiri.

Walaupun kita sedar jumlah rumah mampu milik dari pelbagai skim dan program yang bakal dibina dan ditawarkan ini mungkin masih belum mencukupi mengikut keperluan dan permintaan semasa namun penulis percaya ini adalah satu permuhan yang cukup baik.

Kita yakin dan percaya andai segala inisiatif ini mencapai objektif yang disasarkan pihak kerajaan pastinya akan menambah lagi jumlah pembinaan rumah mampu milik terbabit secara berterusan dari semasa ke semasa.

Justeru besarlah harapan kita agar di samping rakyat merebut peluang ini, jangan pula ada pihak yang mengambil kesempatan lagi menaikkan harga rumah terbabit. Dalam hal ini kita meminta pihak berkuasa terus memantau aspek pembinaan dan penjualan rumah berkenaan.

Hal ini penting kerana kita juga sama sekali tidak boleh bertolak ansur dari segi kualiti pembinaan rumah atas alasan ia ditawarkan pada harga yang murah.

Spekulator harta tanah juga perlu dikekang dari mengambil kesempatan dan terus menyalimi rakyat. Sekali lagi rumah adalah keperluan asas dan jangan sesekali kita membiarkan mana-mana pihak manafikan hak rakyat tersebut.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia